

Pemikiran Dr. Mahathir selaras kehendak Islam

UM 28 SEP 20

ALOR STAR 27 Sept. — Idea dan pemikiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam bidang pendidikan dan penerokaan ilmu adalah selaras dengan kehendak agama Islam.

Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Zakaria Stapa berkata, Dr. Mahathir disifatkan pemikir Islam yang berani dan lantang menyuarakan idea dan pemikiran beliau di persada dunia.

Katanya, secara khusus Dr. Mahathir mahu umat Islam membahagikan tugas untuk meneroka dan mendalami ilmu.

Menurut beliau, ini kerana sebagai manusia, seseorang tidak mungkin menguasai semua bidang.

Tanggungijawab sebagai satu ummah tidak akan terlepas seandainya tidak diwujudkan seseorang pakar dalam cabang ilmu yang diperlukan ummah tersebut.

Sehubungan itu, katanya, al-Quran memerintahkan umat Islam supaya tidak semua sekali pergi berperang, sewajarnya mesti ada sekumpulan yang mendalami dalam bidang ilmu tertentu yang diperlukan ummah.

Beliau berkata demikian

ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pendidikan Dalam Perspektif Pemikiran Dr. Mahathir di Dewan MPKS di sini hari ini.

Mewakili

Seminar tersebut dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Wira Ku Nahan Ku Ibrahim yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zam

Sementara itu Prof Dr Muda Ismail Abdul Rahman Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM pula berkata usaha UMNO di dalam perjuangan memartabatkan bangsa Melayu

di dalam bidang pelajaran telah berjaya mengurangkan jurang pelajar Melayu dan bukan Melayu di dalam bidang profesional.

Beliau berkata, walaupun jumlah pelajar Melayu di dalam bidang profesional masih belum menyamai bukan Melayu, tetapi bilangan mereka di dalam jurusan yang kritikal seperti perubatan dan kejuruteraan terus meningkat.

Dr. Muda Ismail yang membentangkan kertas kerja bertajuk Sumbangan UMNO di dalam bidang Pendidikan Negara pada seminar itu memberi contoh pelajar Melayu yang menerima ijazah di UKM pada Ogos lalu di dalam bidang perubatan ialah seramai 130 orang berbanding 30 bukan Melayu.

Di dalam bidang kejuruteraan pula, seramai 112 orang dan undang-undang 120 orang pelajar Melayu memperoleh ijazah masing-masing, katanya lagi.

"Sesungguhnya peranan yang telah sedang dan akan dimainkan oleh UMNO di dalam menentukan kecemerlangan bangsa, kedaulatan agama Islam dan kegemilangan negara bersama parti komponen Barisan Nasional sangat penting," katanya.